

Headline	Semangat Jang kian membara		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	407,786
Page No	52	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	108 cm ²
Journalist	Mohd Amin Jalil	AdValue	RM 3,989
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,966



Semangat Jang kian membara

Oleh Mohd Amin Jalil
sukan@hmetro.com.my

Seremban: Dua kemenangan berturut-turut dicatatkan skuad Negeri Sembilan memberi petanda positif mengenai kebangkitan skuad Hoben Jang Hoben dalam misi memburu kejuaraan Liga Perdana musim ini.

Negeri Sembilan menumpaskan UiTM FC di gelanggang sendiri, 28 Mac lalu dan meneruskan aksi mantap apabila menang ke atas Perlis di Stadium Darulaman, Jumaat lalu.

Pengurus pasukan Datuk Abdul Ghani Hasan mengakui Negeri Sembilan berada pada landasan tepat untuk terus mencabar pesaing lain bagi mengejar kedudukan terbaik liga sekali gus merealisasikan sasaran layak ke Liga Super musim depan.

Menurutnya, biarpun persiapan pasukan sedikit ter-

jejas selepas penyerang Jean-Emmanuel Effa Owona mengalami kecederaan serius dan terpaksa berehat sebulan, pemain lain dapat menggalas tanggungjawab dengan baik apabila memastikan kemenangan dalam dua perlawanan terakhir.

Katanya, kemenangan itu harus membangkitkan semangat pemain untuk terus memberikan persembahan terbaik serta memastikan pasukan tidak kehilangan mata pada pusingan kedua bermula pertemuan dengan Perlis di gelanggang sendiri, 11 April ini.

“Saya puas hati dengan dua kemenangan berturut-turut dicapai pasukan, tapi kita perlu meningkatkan prestasi kerana saingan pusingan kedua dijangka lebih mencabar. Tanpa kelibat Effa Qwona jejas memberi kesan terutama di barisan depan, biarpun Kim Jin Ryong boleh dijadikan sandaran.

“Ini cabaran yang perlu kita hadapi, tetapi hakikatnya Negeri Sembilan perlu mengejar dan memintas pasukan di atas untuk memastikan kejuaraan liga tidak terlepas selain tempat ke saingan Liga Super musim depan, selamat,” katanya.